

Festival Skrin Digital UMS martabat industri filem tempatan

UB 16-12-2019 15

MALAM anugerah berkonsepkan pertandingan yang memperlihatkan 15 produksi berentap bagi merebut gelaran juara terdiri dari sembilan filem pendek dan enam animasi termasuk Keris Production, Shadow Light Studio, Merakhi Production, Screenplay Production, D' Treize Production, Crackone Production, Grandeur Production, The Look Production, Caelum Production (filem pendek), Eagle Eye Production, Enlighten Studios, Youngstoned Animation, 3DKit Studio, Spark Production dan Borneo @nimation

Production (animasi).

Festival Skrin Digital kali ketujuh anjuran Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW) Blok Seni Universiti Malaysia Sabah (UMS) berlangsung di Dewan Resital pada 16 Disember dan dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Raman Noordin selaku Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS.

Turut hadir artis tempatan Sabah Esther Applunius yang juga peserta One In A Million 3 (OIAM) dan Ebi Kornelis AF5.

Festival juga dimeriahkan

dengan pelbagai gerai jualan dan pertunjukan fesyen bagi menarik minat pengunjung yang hadir.

Antara anugerah yang dipertandingkan untuk dinilai merangkumi aspek pengurusan produksi, penataan seni, skrip, suntingan, penata audio, trailer, poster, sinematografi, pameran, kostum dan busana.

Penganugerahan Filem Pendek bagi kategori lelaki dan wanita termasuk Pelakon Harapan, Pelakon Pembantu dan Pelakon Terbaik manakala animasi pula menitik-beratkan aspek rekaan karakter dan

latar, cerita asal dan animasi 2D terbaik.

Penayangan filem pendek dan animasi selama tiga hari bermula 11 Disember di Studio Teater Ahmad Nisfu FKSW UMS.

Pada masa yang sama terdapat pameran bagi filem pendek dan animasi mereka bertempat di Foyer Blok Seni. Sebanyak 15 buah booth filem pendek dan animasi telah dipamerkan kepada orang ramai yang berkunjung.

Selain itu, pengunjung dapat membeli tiket dengan harga serendah RM3.

Penyertaan dalam kalan-

gan mahasiswa Seni Kreatif Dan Teknologi Seni Visual Tahun 3 pengajian dibawah tuntutan subjek Produksi Audio Video Digital dan Pasaran Karya, adalah pendedahan awal aspek pemasaran filem sebagai simulasi mendedahkan mereka dengan pemasaran filem sebenar melalui penghasilan filem dan animasi.

Selain mendidik mahasiswa untuk menghasilkan karya seni yang berkualiti tinggi, mereka juga didedahkan dengan promosi dan penjualan tiket. — Atikel sumbangan Mohd Afis Ismail